

Jubli emas UiTM bawa perubahan

S HAH ALAM: Sambutan ulang tahun ke-50 Universiti Teknologi Mara (UiTM) diadakan dengan harapan dapat meniupkan semangat baru untuk meneruskan perjuangan memartabatkan Bumi-putera dalam pelbagai bidang profesional, ekonomi, sains dan teknologi selain mengenang jasa serta sumbangan warganya.

Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata pelbagai program dirancang di pelbagai peringkat sempena sambutan jubli emas itu untuk menyampaikan maklumat terkini, sejarah, pencapaian dan kecemerlangan graduan hingga kini yang diharapkan dapat memberikan kesan positif pada masyarakat.

Katanya, kejayaan demi kejayaan yang mengharumkan nama UiTM diketengahkan untuk tatapan umum dan sebagai pembakar semangat mahasiswa untuk terus berusaha dan berjaya dengan cemerlang.

"Kejayaan warga UiTM menawan Everest dan Antartika umpamanya adalah simbolik kepada kemampuan anak Melayu yang tiada had serta kemampuan kumpulan penyelidik UiTM merangkul tujuh pingat di seminar Bioteknologi Asia 2006 dan 13 pingat di Geneva membuktikan kehebatan dalam pelbagai bidang," katanya pada Majlis Karnival 50 Tahun UiTM di sini malam tadi.

Majlis itu dirasmikan oleh Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid. - Bernama